



SIARAN MEDIA

LTAT MENGUMUMKAN PELANTIKAN KEPIMPINAN BAHARU

KUALA LUMPUR, 29 MAC 2024 – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) dengan sukacita ingin mengumumkan pelantikan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM (Bersara) sebagai Pengerusi dan Mohammad Ashraf Md Radzi sebagai Ketua Eksekutif, berkuat kuasa hari Isnin, 1 April 2024.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan adalah figura yang mempunyai pengalaman dan kepimpinan yang luas, setelah berkhidmat dengan cemerlang dalam Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”) selama 40 tahun. Beliau telah memenuhi pelbagai jawatan penting sepanjang perkhidmatannya termasuk Panglima Operasi Udara, Timbalan Panglima Tentera Udara, dan juga sebagai Panglima Tentera Udara ke-15. Setelah itu, beliau telah mencipta sejarah dengan menjadi Panglima Angkatan Tentera yang pertama daripada Tentera Udara Diraja Malaysia.

Pengalaman beliau yang luas dalam hal-hal ketenteraan, diplomasi, dan pembangunan kepimpinan diyakini akan mendorong LTAT agar terus mencapai objektif strategiknya dan meningkatkan peranan dalam menjaga kebajikan anggota ATM dan keluarga mereka.

Sementara itu, Mohammad Ashraf mengambil alih peranan sebagai Ketua Eksekutif selepas berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan semenjak Mac 2020. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau telah menunjukkan kecekapan dalam menguruskan hal ehwal kewangan, memimpin perangkaan strategi kewangan dan memastikan kepatuhan kepada prinsip-prinsip kebertanggungjawaban kewangan di LTAT. Kepimpinan beliau telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada agenda transformasi organisasi yang berjaya memulihkan dividen kepada tahap yang mampan serta meningkatkan kedudukan kewangan secara keseluruhannya.

Mohammad Ashraf memulakan kerjayanya di Eropah dengan menjalani latihan sebagai akauntan dengan firma Ernst & Young, sebelum berkhidmat di *UBS Investment Bank*. Setelah kembali ke tanah air, beliau memperkembangkan kepakarannya dalam bidang kewangan korporat di Prokhas Sdn. Bhd., sebuah firma penasihat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan Malaysia, sebelum beliau berkhidmat di Ahmad Zaki Resources Berhad (“AZRB”), yang mana beliau pada mulanya dilantik sebagai Ketua Kewangan Korporat sebelum menyandang jawatan Ketua Pegawai Kewangan.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan telah mengikuti Kursus Asas Penerbangan di Australia dan menerima kelayakan untuk menjadi juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia pada 7 Julai 1977. Beliau merupakan graduan *Air Command and Staff College* (USA) dan *National Defence College* (India).

Mohammad Ashraf juga adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Perakaunan dari Universiti Tenaga Nasional (“UNITEN”). Beliau juga adalah ahli *Association of Chartered Accountants* (“ACCA”) dan merupakan Akauntan Bertauliah daripada Institut Akauntan Malaysia.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA ("LTAT")

29 Mac 2024

Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

LTAT menguruskan RM11.54 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 31 Disember 2023 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencarum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Izzat Alhadjri

Pengarah,

Ketua Komunikasi

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my atau comms@ltat.gov.my

No. Tel : +603-48158888

Laman web : www.ltat.gov.my